

Bab 2: Latar Belakang Abul A'la Al Maududi

Pendahuluan

Penelitian terhadap latar belakang Abu A'la Al Maududi adalah penting bagi melihat bagaimana perjalanan kehidupannya dalam persekitaran keluarga dan masyarakat membantu beliau menjadi antara tokoh kebangkitan Islam yang tersohor di abad ini. Dalam bab pertama telah diterangkan tentang susurgalur kebangkitan Islam di benua kecil India yang ditandai dari peranan yang dimainkan oleh Syah Waliullah dan seterusnya para pengikut dan tokoh-tokoh yang memperjuangkan nasib umat Islam yang dilanda kemunduran dan ancaman dari pelbagai pihak. Perjuangan Maududi dilihat sebagai kesinambungan perjuangan para ulama untuk mendaulatkan agama Islam di benua kecil India. Memahami latar belakang beliau sejak kecil dan membesar dalam persekitaran masyarakat yang masih mengutamakan kemurnianan Islam dapat membantu untuk melihat bagaimana persekitaran tersebut mempengaruhi pemikiran dan pendekatan-pendekatan yang diperlakukan dalam memperjuangkan Islam bersama Jama'at-i Islami.

Kelahiran

Beliau dilahirkan pada 3 Rejab 1321 H (25 September 1903) di Aurangabad sebuah bandar di Hyderabad¹⁰¹ dan sekarang dikenali sebagai Andhra Pradesh, India. Beliau berketurunan dari kalangan keluarga yang dihormati dan dikenali sebagai ulama dan pemimpin di kalangan masyarakat utara India. Silsilah keluarga beliau bersambung

1

¹⁰¹ Maryam Jameelah. **Who is Maudoodi?**, Mohammad Yusuf Khan, Lahore, 1973, hlm. 1

sehingga Saidina Ali (karamalullahu wajhu)¹⁰² Ahli keluarga beliau adalah di kalangan mereka yang mengamalkan tarekat sufi Chishti. Salah seorang daripada mereka Khawajah Qutb al-Din Maudud (meninggal 527 H) adalah pengasas Tarekat Sufi Chishti.¹⁰³ Tarekat sufi ini sangat terkenal di benua kecil India pada abad ke 9 Hijrah. Bapa Maududi, Ahmad Hassan lahir pada tahun 1855. Beliau merupakan antara golongan awal yang mendapat pendidikan di University of Aligarh. Namun beliau tidak lama di Aligarh kerana meneruskan pengajian undang-undang di Allahabad. Selepas itu beliau berpindah beberapa kali, ke Hyderabad, Aurangabad dan ke Delhi. Sewaktu di Hyderabad beliau banyak menghabiskan masa dalam kegiatan kesufian. Beliau adalah seorang peguam dan seorang yang warak dan berbudi pekerti mulia. Beliau sangat mementingkan pendidikan agama dan mewujudkan suasana pendidikan yang berteraskan pendidikan tradisional seperti pengajian Al-Quran, Al-Hadis, hafalan, tafsir dan bahasa Arab. Selain itu beliau memberikan penekanan kepada mempraktikan segala bentuk ajaran agama (suasana *syarif*) kepada anak-anaknya.¹⁰⁴

Pendidikan

¹⁰² Asad Gilani, **Maududi: Thought and Movement**, Farooq Husain Shirakat ul-Faisal, Lahore, 1978, hlm 23-25. Sila lihat Lampiran A, senarai sisisih keluarga Maududi.

¹⁰³ Tarekat ini mengambil nama sebuah kampung, Chist berdekatan dengan Herat di barat Afghanistan. Pengasas tarekat ini adalah Muinuddin Muhammad Chisti (1142-1236M). Ia berkembang pesat di benua kecil India pada pertengahan abad ke-14. Tokoh ulama dan reformis abad ke-18, Syah Waliullah adalah pengamal tarekat ini. Para pengikutnya seperti Syah Abd. Aziz (anak beliau) dan Sayyid Ahmad Syahid turut mengamalkan tarekat ini. Selain itu, para pengasas madrasah Deobandi seperti Muhammad Qasim Nanantawi, Maulana Muhammad Ishak, Maulana Muhammad Yaakub dan lain-lain juga mengamalkan tarekat ini. Oleh itu tidak hairanlah banyak silibus pendidikan madrasah Deobandi dipengaruhi oleh tarekat ini. Sila lihat John L. Esposito, (ed.) **The Oxford Encyclopedia, Modern Islamic World**, Oxford University Press, Oxford, Vol 1, 1995, hlm.279-280. Lihat juga S. Moniul Haq, "Rise and Expansion of Chishtis in The Subcontinent", di dalam **Pakistan Historical Society Journal**, Vol. 22, Pakistan historical Society, Karachi, 1974.

¹⁰⁴ <http://www.jamaat.org/overview/founder.html>.

Maududi mendapat pendidikan awal di rumah daripada ayah dan ibunya. Beliau diajar pendidikan tradisi seperti Al-Quran, Al-Hadis, Tafsir dan bahasa Arab. Kemudian Maududi melanjutkan pelajaran di Madrasah Furqaniah, sebuah sekolah tinggi yang mengabungkan mata pelajaran tradisional Islam dan pendidikan Barat. Setelah menamatkan pelajaran di peringkat sekolah menengah beliau melanjutkan pelajaran di Darul Ulum, Hyderabad. Namun beliau tidak dapat meneruskan pelajarannya disebabkan bapanya sakit kuat dan meninggal dunia. Namun ini tidak mematahkan semangat beliau untuk terus menuntut ilmu di luar dari institusi pendidikan formal. Di awal 1920-an, Maududi telah dapat menguasai bahasa Arab, Parsi, Inggeris selain bahasa ibundanya Urdu. Maududi dapat menguasai bahasa Arab dalam usia yang begitu muda. Sewaktu berusia 14 tahun, beliau telah mampu menterjemahkan buku *Al- Mir'at Al-Jadidah* (Wanita Moden) karya Qasim Amin dari bahasa Arab ke Urdu.¹⁰⁵ Pertumbuhan keintelektualan Maududi sebahagian besarnya adalah hasil dari daya usahanya yang tekun dan gigih selain dari bantuan dan tunjuk ajar daripada guru-gurunya. Selain itu juga ia dipengaruhi oleh budaya dan persekitaran keluarga beliau yang sangat mementingkan pendidikan agama.

Menurut Ishtiaq Husain Qureshi, Maududi merupakan manusia yang mempunyai bakat intelektual yang amat mengagumkan. Walaupun mempelajari sedikit ilmu, beliau mampu untuk memperkembangkan ilmu-ilmu yang dipelajari. Contohnya

¹⁰⁵ Khurshid Ahmad. **Islamic Perspectives, Studies In Honour of Mawlana Sayyid Abul A'la Mawdudi**, Islamic Foundation, UK, 1980, hlm. 359 Lihat juga Sayyid Vali Reza Nasr, **Maududi dan Jama'ati Islami: Asal Usul, Teori dan Praktik Kebangkitan Islam**, hlm.101-108.

walaupun tidak mendapat pendidikan formal bahasa Inggeris namun beliau dapat menguasai bahasa tersebut dengan begitu baik¹⁰⁶

Penglibatan Dalam Penulisan Dan Kewartawanan

Selepas pendidikan formal beliau terganggu, Maududi mula melibatkan diri dalam bidang kewartawanan. Pada tahun 1918 dalam usia 15 tahun beliau telah menyumbangkan artikel di akhbar berbahasa Urdu. Pada waktu ini minat beliau cenderung kepada politik India atau lebih tepat lagi nasionalisme India. Beliau menulis beberapa artikel yang memuji pemimpin parti Kongres khususnya Mahatma Ghandi dan Madan Muhan Malaviya. Pada tahun 1918 beliau telah pergi ke Bijnur untuk bergabung dengan saudaranya Abul Khair dimana beliau memulakan karier dalam bidang kewartawanan. Beliau menulis artikel dalam bahasa Urdu di dalam majalah mingguan *Madinah*.¹⁰⁷

Manakala pada tahun 1920 dengan kebolehan yang dimiliki, beliau telah dilantik menjadi editor akbar *Taj* sebuah akhbar yang berpengaruh di Jabalpore (sekarang dikenali sebagai Madya Pradesh, India). Pada penghujung 1920 Maududi berhijrah ke Delhi. Di sini beliau berkenalan dengan pemimpin Gerakan Khilafat, Muhammad Ali. Mereka bekerjasama menerbitkan akhbar nasionalis, *Hamard*. Pada tahun 1921 pula Maududi berkenalan dengan beberapa pemimpin *Jami'ati Ullama Hind*, antaranya Maulana Mufti Kifayatullah dan Ahmad Sa'id. Maududi diundang menjadi editor suratkhabar *Muslim* dari tahun (1921-23) dan *kemudian al-Jam'iyyat* (1925-28)

¹⁰⁶ Ishtiaq Husain Qureshi, **Ulama in Politics**, Ma'aref Ltd, Karachi, 1974, hlm. 330.

yang kedua-duanya adalah organ bagi *Jami'ati Ulama Hind*, organisasi Muslim yang diterajui oleh golongan ulama. Di bawah pimpinan Maududi, *al-Jam'iyyat* menjadi sebuah akhbar yang berpengaruh di kalangan orang-orang Islam di India. Beliau juga telah menterjemah dua bab terakhir yang sukar daripada sebuah buku filosofi Iran yang bertajuk *Al hikmat-ulmut 'aliyati fil asfaril 'aqliyah* kepada bahasa Urdu untuk Osmania University of Hyderabad.¹⁰⁸ Dalam tempoh ini juga Maududi berpeluang untuk terus belajar dan menumbuhkan minat intelektualnya. Contohnya beliau belajar bahasa Inggeris dan membaca karya-karya Barat. Hubungan beliau dengan *Jami'ati Ulama Hind* mendorong beliau untuk menerima pendidikan agama formal. Beliau menerima pendidikan agama *dars-i nizami* iaitu silibus pendidikan agama yang popular di sekolah agama India sejak abad ke-18 lagi. Pada peringkat awal beliau menjadi murid kepada Abdussalam Niyazi dan kemudiannya belajar kepada ulama Deobandi di sekolah agama Masjid Fatihpuri di Delhi. Pada waktu ini juga beliau dikatakan menjadi lebih prihatin dan sedar tentang keadaan politik kaum Muslim. Maududi mula menulis persoalan yang menjadi perhatian kaum Muslimin India dan juga situasi umat Islam di Turki dalam berhadapan dengan imperialisme Barat.¹⁰⁹

Penglibatan Dalam Politik

¹⁰⁷ Khurshid Ahmad, **Islamic Perspectives, Studies In Honour of Mawlana Sayyid Abul A'la Mawdudi**, hlm. 360.

¹⁰⁸ Ibid., hlm. 331

¹⁰⁹ Sayyid Vali Reza Nasr, **Maududi dan Jama'ati Islami: Asal Usul, Teori dan Praktik Kebangkitan Islam**, hlm. 104-105

Sekitar tahun 1920-an, Maududi turut terlibat dalam politik. Beliau menyertai Gerakan Khilafat, gerakan ini cuba mempertahankan pemerintahan Islam khususnya di India yang diancam oleh penjajah Barat¹¹⁰ Walaupun baru berusia 17 tahun namun Maududi telah memberikan pernyataan yang bernas mengapa beliau menyertai gerakan tersebut:

"Sudah menjadi sebahagian daripada sifat saya. Saya tidak akan bersedia ke atas apa jua tanpa sebarang sebab. Tetapi setiap masalah yang melanda saya, perlu dipertimbangkan dengan matang dan merupakan suatu keharusan bagi saya supaya berikhtiar seboleh mungkin untuk memahami masalah secara menyeluruh. Jadi saya mula mengetahui kenyataan mengenai isu Khilafat dan keadaan di Turki dan saya memperolehi jawapannya, bahawa kepimpinan yang berkembang di Turki selepas Perang Dunia Pertama diberi semangat oleh bangsa Turki dan semua gagasannya dipengaruhi dari kumpulan Pemuda Turki yang pernah mendapat pendidikan di Barat."¹¹¹

Dalam waktu yang sama beliau melihat bagaimana musuh-musuh Islam membawa dan menghasut fahaman dan cita-cita nasionalis yang bekerjasama dengan orang-orang Arab di dalam Perang Dunia Pertama sehingga orang-orang Arab dan Turki bermusuhan sesama mereka. Hal ini menunjukkan kepada beliau bahawa terdapat satu pertembungan yang hebat di Turki. Pihak yang berkuasa di Turki berfahaman sekular. Contohnya Zia Gokalp (1875-1924) yang kemudiannya dikenali sebagai Bapa Nasionalisme Turki merupakan seorang pemuja tamadun Barat. Beliau menganggap agama hanya merupakan suatu kepercayaan atau ritual. Dengan itu ilmu pengetahuan psikologi, sosiologi, biologi, matematik dan seumpamanya tidak ada hubungan dengan agama.¹¹²

¹¹⁰ Fadullah Wilmut, "Mawlana Sayyid Abu A'la Maududi Pulang ke Rahmatullah", di dalam **Dakwah**, Bil 35, November, 1979, hlm. 6.

¹¹¹ Sayyid Abul Ala Maududi, **Twenty Nine Years of Jamaah al Islami**, Mohammed Yusof Khan Karachi, 1970, hlm. 32-35.

¹¹² Mohammad Kamil Abdul Majid, "Pertembungan Tamadun Islam Dengan Kolonialisme Barat" di dalam **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001, hlm. 145

Seorang lagi tokoh nasionalis Turki adalah Kamal Attaturk (1881-1934).¹¹³ Beliau digelar Bapa Sekular Turki kerana berjaya melaksanakan penghapusan institusi keagamaan dan apa sahaja yang berkaitan dengan agama Islam. Malah selepas memegang tumpuk kekuasaan pada tahun 1923, beliau menghapuskan agama Islam sebagai cara hidup dengan menggantikan sistem kekuasaan yang berasaskan sekularisme dan nasionalisme di dalam pemerintahan Turki.¹¹⁴

Mereka menjadikan nasionalisme Turki sebagai dasar negara. Manakala orang-orang Arab yang tidak mengetahui tipu helah politik orang-orang Kristian dan Yahudi menganggap nasionalisme Arab melawan nasionalisme Turki lalu memihak kepada British, ini memberi kesempatan kepada mereka yang sebelum ini tidak pernah mereka perolehi iaitu merampas tanah-tanah orang Islam yang di dalamnya terletak tanah suci orang-orang Islam.¹¹⁵

Ketika menyedari hal tersebut, Maududi merasakan bahawa pengorbanan orang Islam India terhadap gerakan Khilafat adalah sia-sia. Seluruh badan politik masyarakat Islam di India menimbulkan suatu masalah yang sama sekali sukar untuk dikawal. Pada tahun 1924 apa yang dibimbangkan oleh Maududi menjadi kenyataan menyebabkan keyakinannya kepada kepimpinan negara menjadi goyah. Pada tahun

¹¹³ Dalam proses pembaratan di Turki, Mustafa Kamal Attaturk benar-benar merupakan pengikut setia yang berkiblatkan Barat dalam semua aspek kehidupan serta memutuskan Turki dari tradisi Islam. Di kemuncak penskularan Turki beliau menutup masjid-masjid, mewajibkan pakaian Barat. Memakai songkok, serban dan tarbus merupakan satu kesalahan jenayah. Pada tahun 1926, *Turkish Civil Code* diluluskan untuk menggantikan undang-undang syariah. Lihat Abd. Rahman Hj. Abdullah, **Pemikiran Islam Masa Kini**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 91-97.

¹¹⁴ Mohammad Kamil Abdul Majid, "Pertembungan Tamadun Islam Dengan Kolonialisme Barat" di dalam **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm. 145.

¹¹⁵ Maryam Jameelah, **Who Is Maudoodi?**, hlm. 14.

tersebut pihak Turki telah membubarkan Khilafat, yang memerlukan pembentukan sebuah kesatuan orang-orang Islam India untuk mempertahankannya. Beliau berkata:

"Kita telah mempertahankan Khilafat dengan menyingkirkan semua masalah yang dihadapi di dalam negara dan kini orang yang memakai baju Khilafat telah membuangkannya."¹¹⁶

Dengan runtuhnya Gerakan Khilafah pada 1924, kehidupan Maududi mengalami perubahan yang besar. Beliau bersikap sinis terhadap nasionalisme yang kini diyakininya menyesatkan orang Turki dan Mesir dan menyebabkan terpecahnya kesatuan Muslim dengan cara penolakan mereka kepada kekhilafahan empayar Uthmaniah.

Sebelum itu Maududi juga pernah menyertai gerakan *Tarik-e Hijrat* (Gerakan Hijrah) iaitu sebuah gerakan yang menentang pemerintah British di India yang dianggap sebagai *Dar al-Harb* dan menggalakkan umat Islam berhijrah ke Afghanistan (*Dar al-Islam*). Walau bagaimanapun beliau tidak lama di dalam gerakan ini kerana tidak bersetuju dengan kepimpinan gerakan tersebut yang dianggap tidak diorganisasi secara teratur dan tersusun. Gerakan tersebut juga dianggap tidak realistik di dalam tindakannya.¹¹⁷

Satu peristiwa penting yang begitu menggugat keselamatan dan masa depan umat Islam di India telah berlaku dalam tahun 1937, iaitu ketika Indian National Congress (INC) memenagi semua kerusi di semua kawasan majoriti masyarakat Hindu. Walaupun parti tersebut menyedari hakikat bahawa India bukan terdiri dari satu

¹¹⁶ Ibid, hlm. 16.

¹¹⁷ Ali Rahnema, *Pioneers of Islamic Revival*, hlm. 104.

keturunan namun demikian, oleh kerana ia melaksanakan sistem demokrasi yang mementingkan suara majoriti, ia telah mencetuskan saham nasionalisme Hindu. Hal ini menyebabkan berlaku diskriminasi dan penindasan ke atas umat Islam. Oleh itu tidak hairanlah jika sekiranya Maududi dan umat Islam tidak boleh lagi mendiamkan diri dan menutup mata terhadap perkembangan politik India ketika itu yang benar-benar akan memalapkan masa hadapan umat Islam.¹¹⁸

Nasib malang umat Islam ini telah diperjuangkan oleh Liga Muslim. Pimpinan Liga Muslim telah cuba menyelesaikan masalah tersebut dengan INC. Malangnya INC dengan angkuh dan sompong tidak memperdulikan saranan Liga Muslim. Keangkuhan INC adalah bertitik tolak daripada pendokong golongan itu bahawa INC sahaja yang memperjuangkan kemerdekaan India. Sedangkan umat Islam tidak bersatu padu, miskin dan tidak mempunyai jentera politik yang tersusun, lebih-lebih lagi setelah Gerakan Khilafat dipecahkan oleh British dan INC.¹¹⁹

Menyedari hakikat kelemahan minoriti umat Islam ini, INC telah mengambil kesempatan untuk menguasai mereka agar hanya suara INC sahaja yang dipertimbangkan oleh penjajah Inggeris, sedangkan suara minoriti Islam tenggelam di tengah-tengah gelombang sorak-sorai golongan majoriti. Untuk mencapai matlamat tersebut, Pandit Jawahar Lal Nehru telah menyusun satu program yang dinamakan '*Muslim Mass Contact Movement*'. Antara program yang dijalankan adalah menubuhkan satu jabatan yang menguruskan hal ehwal orang Islam bagi

¹¹⁸ Ishtiaq Husain Qureshi, **Ulama In Politics**, hlm. 333.

¹¹⁹ Maryam Jameelah, **Who Is Maudoodi?**, hlm. 14.

menarik dan melatih mereka menyokong dan bekerja untuk INC. Selain itu mereka menjalankan program-program yang merendah-rendahkan Islam dan menyebarkan propaganda bahawa umat Islam mestil bersatu dengan masyarakat Hindu. Sebagai Presiden 'All Indian Mass Contact Movement', Pandit Jawaharlal Nehru pernah mengatakan:

"it had been a mistake to waste time in negotiations with communal leaders and that future efforts should be concentrated upon the common people."¹²⁰

Selain itu beliau mengatakan bahawa apabila golongan majoriti telah memutuskan kepentingan masyarakat ramai pandangan golongan minoriti adalah tidak diperlukan. Idea dua masyarakat menurutnya sudah ketinggalan zaman dan harus dilupakan. Maududi adalah penyokong kuat kepada pengasingan dua negara. Beliau pernah menulis di dalam *Tarjuman Al-Quran* keluaran Oktober-Disember 1938 yang menjelaskan tentang pendirian beliau tentang teori dua negara.¹²¹

"Sekiranya berhalia ini dipecahkan berkecaci, hanya orang yang mengambilnya sebagai objek penyembahannya akan terasa kesan-kesannya. Saya berpendapat sekiranya saya diizinkan Allah s.w.t untuk mendapatkan walau satu kawasan seluas satu batu persegi dimana manusia mengabdikan diri kepada Allah semata-mata, pada pandangan saya, sebutir pasir di bumi kecil ini adalah lebih bernilai dari seluruh benua kecil ini."¹²²

Penulisan dan Sumbangan Intelektual

Dalam tempoh 1920-1928, Maududi telah menterjemah empat buah buku, sebuah dari buku Bahasa Arab dan selebihnya dari Bahasa Inggeris. Beliau juga telah

¹²⁰ Ishtiaq Husain Qureshi, **Ulama In Politics**, hlm. 336.

¹²¹ Teori dua negara ini adalah cadangan agar benua kecil India dipecahkan kepada dua negara berdasarkan kepada agama. Sebuah negara Muslim dan sebuah lagi negara non-Muslim. Kawasan-kawasan yang mempunyai majoriti umat Islam akan dijadikan negara umat Islam manakala kawasan yang mempunyai majoriti non-Muslim dijadikan sebagai negara non-Muslim (India). Cadangan ini dibuat oleh Liga Muslim pada 10 oktober 1938 di 'Sind Provincial Muslim Conference'. Lihat S. Moniul Haq, "The Two Nation Idea In History" di dalam **Journal of The Pakistan Historical Society**, Pakistan Historical Society, Karachi, Jilid 24, July-Okt. 1976, hlm. 153-173.

¹²² Maududi, **Muslim and the Present Political Struggle**, Jilid III, hlm. 76-77.

menulis sebuah buku *al-Jihad fi al-Islam* yang telah menaikkan nama beliau sebagai seorang ilmuwan Islam. Menurut Maududi, buku ini telah memberikan kesan yang mendalam kepada beliau dalam memahami tasawwur (konsep) Islam yang sebenarnya. Katanya:

"Kitab *al-Jihad fi al-Islam* itu memberi manfaat kepada saya lebih daripada orang lain. Saya telah menulisnya dalam keadaan bersemangat kebangsaan dan apabila selesai menulisnya saya mendapat semangat Islam. Saya mengenali Islam dan saya mengetahui cara menghidupkannya. Dan saya berfikir tidak akan memasuki dunia persuratkhabaraan lagi pada masa akan datang melainkan menjadikannya sebagai jalan untuk berkhidmat kepada Islam dan menghidupkannya."¹²³

Buku ini ditulis bermula dengan peristiwa pembunuhan pemimpin kebangkitan Hindu, Swami Shradhanand oleh seorang Muslim pada tahun 1925. Swami menganjurkan permurtadan kasta rendah yang masuk Islam agar kembali ke agama Hindu. Tindakan beliau memancing kemarahan umat Islam kerana cuba meremehkan keyakinan umat Islam. Kematiannya menimbulkan kritikan media massa bahawa Islam adalah agama kekerasan. Maududi merasa terpanggil untuk menjawab tuduhan-tuduhan liar media massa terhadap kesucian Islam. Tulisan beliau tersebut pada awalnya diterbitkan dalam *al-Jam'iyyat* pada tahun 1927 dan kemudiannya diterbitkan secara rasmi pada tahun 1930. Antara lain, buku ini menerangkan undang-undang Islam mengenai peperangan dan keamanan serta kekerasan dan jihad. Buku beliau ini mendapat pengiktirafan daripada ahli falsafah dan penyair India yang terkenal, Muhammad Iqbal dan pemimpin Gerakan Khilafat,

¹²³ Mohd. Mokhtar Syafti'i, Maududi dan Pemikirannya Dalam Dakwah Islam, di dalam *Islamika*, Jilid II Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 50. Lihat juga Khalil Ahmad al-Hamidi, *Al-Imam Abu A'la al-Maududi Hayatuhi, Da'watuhu, Jihaduhu*, Lahore, 1980, hlm. 3-4.

Muhammad Ali Jauhar.¹²⁴ Dalam usia 20-an, tulisan beliau tersebut telah melambangkan ciri-ciri penulisan seorang ulama besar.

"Buku ini tetap merupakan salah satu pembahasan yang sangat jelas di antara buku bertema serupa, yang ditulis oleh seorang pemikir yang juga tokoh kebangkitan. Buku ini mendapat sambutan hangat dari kaum Muslimin. Ini menegaskan bahawa Maududi merupakan intelektual pemimpin umat."¹²⁵

Sejak itu Maududi mencerahkan segenap perhatian untuk memimpin umat menuju keselamatan politik dan agama. Selepas meninggalkan *al-Jam'iyyat* pada tahun 1928, Maududi telah berangkat ke Hyderabad. Di sini beliau menghabiskan masa membuat penyelidikan dan menulis. Beliau telah menyiapkan beberapa terjemahan buku tafsir dan falsafah dari bahasa Arab, menulis sejarah Hyderabad dan menyiapkan teks pengajian Islam untuk pemerintah Nizam. Antara yang penting adalah bukunya *Risalah-l Dimiyat* yang kemudiannya diterjemahkan ke bahasa Inggeris *Towards Understanding Islam*.¹²⁶

Masa hadapan Hyderabad yang merupakan wilayah terakhir di bawah penguasaan Muslim pada waktu tersebut begitu samar-samar. Majoriti penduduknya yang beragama Hindu menunjukkan keresahan. Maududi cuba mencari formula atas fenomena yang wujud. Beliau membuat kesimpulan bahawa Islam yang difahami dan diamalkan pada waktu tersebut telah bercampur-aduk dan diresapi oleh adat-adat tempatan yang mengaburkan ajaran sejatinya. Menurutnya budaya Muslim dapat

¹²⁴ Khurdsid Ahmad and Zafar Ishaq Ansari, Mawlana Sayyid Abul A'la Mawdudi: An Introduction to His Vision of Islam and Islamic Revival di dalam **Islamic Perspectives, Studies in Honour of Sayyid Abul A'la Mawdudi**, Islamic Foundation, London, 1980, hlm. 361.

¹²⁵ Ali Rahmema, **Pioneers of Islamic Revival**, hlm. 106.

¹²⁶ Khurdsid Ahmad and Zafar Ishaq Ansari, Mawlana Sayyid Abul A'la Mawdudi: An Introduction to His Vision of Islam and Islamic Revival di dalam **Islamic Perspectives, Studies in Honour of Sayyid Abul A'la Mawdudi**, hlm. 361.

diselamatkan dan kekuatannya dapat dipertahankan apabila Islam dibersihkan dari sebarang bentuk penyelewengan dan campur aduk adat-istiadat tempatan yang tidak ada kaitan dengan Islam. Beliau mendorong pemerintah (Nizam) untuk memperbaharui struktur pemerintah Islam di Hyderabad dengan menerapkan ajaran Islam sejati. Namun cadangan Maududi tidak diendahkan oleh Nizam.¹²⁷

Pada tahun 1932 beliau menjadi editor bagi majalah *Tarjuman al-Quran*. Majalah ini menjadi wahana yang penting dalam menyampaikan idea-ideanya. Beliau mula dikenali sebagai seorang penulis yang prolifik. Maududi menulis beberapa lembaran dalam setiap keluaran *Tarjuman al-Quran*. Pada keluaran awal majalah ini Maududi telah menulis di belakang lembaran di setiap keluarannya tentang tujuan majalah tersebut dikeluarkan:

"The sole purpose of the journal is to proclaim the Word of God and to invite men to supreme effort in the way of Allah. Its special scope to comment from the point of view of the Quran upon the thought, the idea and the principles of the culture and civilization that are spreading in the world to explain the principles advanced by the Quran and the Sunnah in the context of contemporary philosophy, science, politics, economics, culture and sociology and to formulate the application of the Quran and the Sunnah to the conditions of the present age. This journal invites the Muslims Ummah to a new life."¹²⁸

Pada peringkat ini Maududi banyak menulis tentang beberapa perkara asas dalam Islam seperti iman dan perinsip-prinsip asas Islam, nilai serta akhlak Islam. Beliau juga mengambil perhatian dalam permasalahan umat Islam terutamanya konflik antara fahaman umat Islam dengan idea dan isme-isme Barat seperti kapitalisme, sekularisme dan komunisme. Isu-isu umat Islam dalam menghadapi dunia moden turut diberi perhatian dengan mengemukakan penyelesaian dari perspektif Islam.

¹²⁷ Ibid, hlm. 106.

¹²⁸ Ibid., hlm. 332

Beliau mengetengahkan metodologi baru dalam konteks pengalaman Barat dan dunia Islam dengan menggunakan neraca Al-Quran dan Al-Sunnah. Hasil penulisan beliau menunjukkan tahap keilmuan beliau dalam memahami Al-Quran dan Al-Sunnah bagi mendepani dan mengkritik pemikiran Barat yang menjadi arus perdana pada waktu tersebut. Pemikiran-pemikiran beliau banyak memberi manfaat dan cahaya baru kepada umat Islam dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa. Maududi sendiri menjelaskan peranan yang beliau mainkan di dalam *Tarjuman Al-Quran*.

"Ketika saya menerbitkan Tarjuman Al-Quran di Hyderabad pada tahun 1932, rancangan bertindak yang saya fikirkan ialah, pertamanya saya akan menghancurkan penguasaan kebudayaan Barat dan gagasan-gagasannya. Saya ingin menyedarkan golongan cerdik pandai Muslim dan membangkitkan di dalam diri mereka mengenai suatu fakta bahawa Islam mempunyai peraturan hidupnya sendiri, kebudayaan sendiri, sistem politik mahupun ekonomi, falsafah dan juga sistem pendidikan yang lebih tinggi daripada segala sesuatu yang dianjurkan peradaban Barat. Saya ingin menghapuskan pandangan-pandangan yang keliru iaitu mengapa mereka perlu mempelajari dari orang lain mengenai hal kebudayaan dan peradaban. Saya juga ingin menyakinkan mereka bahawa sistem Islam jauh lebih unggul daripada apapun sistem di dunia ini dan saya ingin menyedarkan mereka dengan analisa yang kritis mengenai kelemahan dan kekeliruan sistem barat."¹²⁹

Pada pertengahan 1930-an, Maududi mula menulis tentang isu-isu politik dan budaya. Beliau menganggap idea-idea Barat tentang politik, ekonomi dan sebagainya sangat bahaya kerana ia bertentangan dengan akidah umat Islam. Beliau mengenangkan idea dengan jiwa dan perasaan untuk mengembalikan umat Islam kepada landasan yang benar berpandukan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah. Maududi memberi perhatian yang serius kepada fahaman nasionalisme yang dianggap sangat berbahaya kepada umat Islam jika tidak difahami dalam lingkungan

¹²⁹ Maryam Jamilah, **Sayyid Abul A'la AL Maududi Dalam Kenangan**, (Terjemahan Elias Ismail). Dar Al-Alam Publications, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 17.

Islam. Nasionalisme dalam konteks India menurut Maududi, membawa maksud menghilangkan identiti Muslim di India

Nasionalisme menurutnya jika dimaksudkan sebagai rupa bangsa yang berhubung dengan sesuatu kawasan atau dimaksudkan dengan sokongan individu terhadap bangsanya dengan syarat tidak menzalimi bangsa lain adalah diterima. Begitu juga dengan kecintaan seseorang terhadap bangsanya. Apa yang beliau tentang adalah nasionalisme yang meletakkan nilai, kepentingan dan keinginan iaitu apa juga keinginan yang dapat memenuhi tuntutannya dengan menafikan hak orang lain dan menzalimi kaum lain.¹³⁰ Nasionalisme yang difahami dan diamalkan begitulah yang menurut Maududi sangat berbahaya kepada akidah umat Islam.

Dalam pada itu, pada tahun 1937 beliau mendapat jemputan daripada penyair agung Allama Muhammad Iqbal untuk membantu beliau mendirikan pusat akademik dan penyelidikan di Pathankot. Maududi telah menerima jemputan tersebut dan membangunkan pusat akademik dan penyelidikan yang diberi nama *Darul Islam* dan sebahagiannya menyebut sebagai *Dar al-Salam Academy*.¹³¹ Pusat ini bertujuan melahirkan ilmuwan Islam yang berkualiti dalam bekerja membangunkan kembali tamadun Islam yang gemilang. Namun Muhammad Iqbal meninggal dunia pada bulan April 1938. Kata Maududi

" He (Iqbal) was in the last day of life. The very next month he breathed his last and I was left alone for the uphill jointy" task we have decided to undertake."¹³²

¹³⁰ Abu A'la Al Maududi, **Islam dan Kemajuan Modern**, (Terjemahan Marzuki Mahmood), Ikatan Studi Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1984, hlm. 12-13.

¹³¹ Osman Raliby, Abul A'la Al Maududi, di dalam **Pokok-pokok Pandangan Hidup Muslim**, Bulan Bintang, Jakarta, 1979, hlm. 10.

¹³² Mohd. Mokhtar Syafi'i, **Maududi dan Pemikirannya Dalam Dakwah Islam**, hlm. 49.

Maududi kemudianya berpindah ke Lahore, di sana beliau dilantik sebagai Dekan Fakulti Usuluddin, di *Islamiah College* tanpa menerima gaji. Apabila beliau dikehendaki menerima gaji dan patuh kepada beberapa peraturan lain oleh pihak pemerintah, beliau meletakkan jawatan dan kembali semula bergiat di dalam dakwah dan penulisan.¹³³

Menurut Sarwat Saulat, Syed Abul Khair (abang Maududi) menyatakan bahawa Maududi pernah ditawarkan sebagai profesor di Osmania University, Hyderabad, tetapi beliau menolaknya kerana merasakan jawatan tersebut boleh menyekat kegiatan dan kebebasannya untuk melakukan usaha dakwah kepada masyarakat.¹³⁴ Ini menunjukkan bahawa Maududi tidak mengutamakan pangkat ataupun kemewahan. Beliau lebih mengutamakan kebebasan bersuara tanpa terikat dengan mana-mana pihak dalam memperjuangkan Islam walaupun beliau boleh mendapatkan pendapatan yang lumayan jika menerima tawaran tersebut.¹³⁵

Mokhtar Shafie mengatakan bahawa dalam tempoh 9 tahun (1933-1941) terdapat dua perkara asasi yang dijelaskan oleh Maududi iaitu:

- (i) Semua jenis dan bentuk jahiliyyah, sama ada jahiliyyah lama maupun jahiliyyah moden, dengan segala kajian dan kritikan terhadapnya, dari segi keburukan dan bahaya-bahayanya.

¹³³ Mustafa Hj Daud, **Beberapa Aspek Pemikiran Abul A'la Al Maududi**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1988, hlm. 3.
¹³⁴ Sarwat Saulat, **Maulana Maududi**, International Islamic Publishers, Karachi, 2nd ed., 1984, hlm. 7.
¹³⁵ Ibid., hlm. 5-14.

(ii) Menjelaskan cara hidup Islam seperti yang dinyatakan oleh Al-Quran dan Sunnah dengan cara yang logik dan pembentangan yang panjang lebar, bersih dari sebarang kekeliruan, iaitu menjelaskan kehidupan yang berdasarkan aqidah Islam. Pandangan Islam terhadap alam dan manusia, falsafahnya dari segi akhlak, ibadat-ibadat dan hikmatnya, asas-asas tamadun dan prinsip-prinsip asasnya, ekonomi, kemasyarakatan dan politik. Beliau terus bergiat cergas menjelaskan cara hidup Islam ini untuk merendah dan mengkritik kekufuran dan meninggikan kebenaran sehingga dapat dicabut akar umbi kepimpinan kufur kepada kepimpinan Islam.¹³⁶

Selain daripada menulis dan berkarya menyampaikan fikrah (fahaman) Islam menerusi wadah penulisan, beliau turut menjalankan kegiatan ceramah dan syarahan di beberapa bandar di benua kecil India. Antaranya *Jihad fi sabili 'I-lah* di Dewan Bandaran Lahore, April 1939. "Teori Politik Islam" di Perhimpunan al-Ukhuwwah al-Islamiyyah bagi mahasiswa-mahasiswa Universiti Lahore, Oktober, 1939. *Minhaj al-Inqilah al-Islamiah* (Proses Revolusi Islam) di Universiti Aligarh, September, 1940. "Masalah-masalah ekonomi manusia dan cara penyelesaiannya dalam Islam" di Universiti Aligarh, 1941. "Cara baru dalam pendidikan dan pelajaran" di Darul Ulum dalam seminar Ulama, Disember 1940 dan "Islam dan Jahiliyyah" di majlis perhimpunan pengajian Islam, Kolej Peshawar, Februari, 1941.¹³⁷

¹³⁶ Mokhtar Shafie, **Maududi dan Pemikirannya dalam Dakwah Islam**, hlm. 52.

¹³⁷ Ibid., hlm. 52.

Pada tahun 1943 beliau mula menulis tafsir Al-Quran yang terkenal iaitu *Tafhimul Quran*. Kitab Tafsir ini walaupun ditulis dalam bahasa yang kontemporari tetapi diterima pakai oleh semua golongan. *Tafhim* merupakan satu tafsiran yang unik dan menerangkan dengan jelas Risalah hak Al-Quran sebagai konsep revolusioner yang diturunkan oleh Allah swt untuk merubah seluruh kehidupan manusia. Seperti kata Misbahul Islam Faruqi

"Iathim berdenyut dengan jiwa dan dinamisme dan menerangkan bagaimana Al-Quran mahu merevolusikan masyarakat manusia untuk menegakkan keagungan Allah dalam seluruh aspek kehidupan dimuka bumi ini. Ia membina satu fiqrah. Ia mengisi manusia dengan kekuatan semangat untuk melaksanakan Risalah ini."¹³⁸

Bukunya yang masvhur *Islamic Law and Constitution* adalah usaha untuk menjelaskan konsep asas, bidang dan cara penyusunan perlembagaan Islam, menyediakan suatu asas yang rasional kepada keagungan undang-undang dasar Islam, sifat perundangan Islam, dalil-dalil asas dan falsafah politik Islam. Khutbah-khutbahnya seperti *Worship In Islam, The Problem of Free Will and Determinism*, Teori Amalan Riba dan lain-lain tulisannya memberikan penjelasan yang baik tentang kebenaran dan konsep-konsep Islam.¹³⁹

Penguasaan beliau dalam berberapa bahasa membantu beliau menyediakan sebuah penulisan yang baik. Penguasaan pertbaharaan katanya dalam bahasa Inggeris amat menekagumkan. Misbahul Islam Faruqi mengatakan bahawa:

"Perpentaharaan mahu bahasa Inggerisnya amat mengagumkan dan dia memperbaiki karangan-karangan saya beberapa kali lebih baik. Apabila setiap deraf hasil tulisan yang asli atau terjemahan diletakkan di hadapannya, dengan

¹³⁸ Misbahul Islam Faruqi, "Memperkenalkan Maududi", di dalam *Islam Masa kini*, (Terjemahan Mustafa Ramadhan), A.S. Noordeen, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 49

¹³⁹ Ibid. hlm. 49

senang beliau mengubah perkataan, susunan ayat, meletakkan tanda-tanda bacaan dan meninggikan keindahan pengungkapan dan menjadikan karangan saya lebih bererti dan berharga.”¹⁴⁰

Beliau menanamkan kebebasan berfikir dan merdeka dengan sahabat-sahabat dan kenalannya dengan itu mereka menjadi yakin dan berdikari. Mereka dilatih mengambil daya usaha dan menggariskan jalan mereka sendiri untuk menghadapi keadaan yang sentiasa berubah. Beliau adalah penentang kebekuan di dalam pemikiran dan amalan, seperti seorang jeneral yang memberi kebebasan penuh kepada lettenan-leffenannya untuk mengambil dayausaha dan membuat keputusan sendiri dalam mencari strategi dan taktik yang sesuai dalam batas-batas kaedah yang umum.

Keperibadian dan Kelebihannya

Maududi tergolong di antara mereka yang merubah aliran sejarah.¹⁴¹ Ia mengubah sudut pandangan, jalan pemikiran serta pengertian hidup yang sebenarnya. Kita akan merasa kagum terhadap kebolehannya apabila melihat sumbangan dan pencapaian-pencapaiannya yang besar dalam bidang penulisan dan dakwah Islam. Akhlak dan sifatnya yang sentiasa bermurah hati, kasih kepada manusia, keyakinan yang tinggi dalam menentang sebarang bentuk jahiliyyah dan kemungkar, berpandangan jauh dan budi pekerti luhut serta keimanan yang mendalam dari setiap perkataan yang diucapkan menyebabkan manusia yang mendampinginya akan menyakini dakwah dan perjuangannya. Keyakinannya dalam mempertahankan keimanan dan perjuangan Islam dicerminkan melalui perkataan, sikap dan air mukanya. Melihat

¹⁴⁰ Ibid. hlm. 50.

¹⁴¹ Syed As'ad Qilani. **Maududi: Thought and Movement**. hlm. 1

kepadanya merangsang seseorang dengan semangat yang dinamik untuk syahid di jalan Allah Keberanian, dinamisme dan keikhlasan tujuannya menjadi contoh amali¹⁴²

Menurut Maryam Jameelah,¹⁴³ Maududi adalah sebenar-benar pejuang Islam yang tulus, tidak mementingkan diri sendiri, tidak merasa takut dan tidak mempunyai maruah peribadi yang buruk. Beliau selalu merendah hati, bersopan dan baik hati, tidak sukakan sanjungan dan selesa hidup sederhana dalam semua keadaan:

"Tarat dan tahap pencapaian Maududi telah mengatasi orang-orang sebelumnya di dalam perjuangan kebangkitan Islam. Beliau bukan sahaja guru mata pelajaran Islam tetapi juga memiliki pengetahuan sekular yang baik. Meskipun beliau belajar secara persendirian, pengetahuan yang dikuasainya amat meluas. Beliau mampu dengan seimbang membincangkan dan menulis soal agama, falsafah, seni, sains, politik dan ekonomi. Beliau telah menggunakan pengetahuannya selama empat puluh tahun kerjayanya dengan cara berkesan untuk melenyapkan seluruh keraguan terhadap keunggulan peraturan Islam di antara semua cara yang lain. Kebolehan kesarjanaannya bukan sahaja mampu menjelaskan seluruh aspek Islam secara terperinci di dalam hubungannya dengan pelbagai ideologi golongan materialistik malah dengan lebih seratus buah buku dan risalah pula ia mampu untuk menarik perhatian golongan berpendidikan moden."¹⁴⁴

Jarang terdapat pendakwah Islam dahulu dan sekarang yang mampu menggabungkan kerja penulisan, berucap dan beramal dengan berkesan sebagaimana Maududi.

¹⁷ Ibid. lhm 53.

¹¹ Maryam Jamilah, Sayyid Abul A'la Al Maududi, AL-Adab Publications, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 101.

Kesimpulan

Dapat dilihat di sini, latar belakang dan persekitaran yang Maududi lalui banyak mempengaruhi pemikiran dan kegiatan-kegiatan beliau. Selain daripada kebolehan dan bakat sedia ada yang Allah swt anugerahkan kepada beliau, kesungguhan menuntut ilmu dan melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu menunjukkan keseriusan beliau dalam memperjuangkan kebangkitan Islam. Walaupun terpaksa berdikari sejak berumur 16 tahun setelah bapanya meninggal dunia namun ia tidak mematahkan semangat beliau untuk terus menuntut ilmu dan mencerahkan ilmu dengan memberi pengajaran, memberi tunujk-ajar dan berdakwah kepada masyarakat sama ada melalui penulisan-penulisan mahupun ceramah, syarahan dan persidangan-persidangan yang beliau hadiri. Keperibadian beliau seperti yang dikagumi oleh tokoh-tokoh yang rapat dengannya membuktikan beliau tidak hanya menelurkan idea-idea tetapi memperjuangkan idealisma tersebut secara berterusan dan penuh kesungguhan.